PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan terus meningkat pada suku ketiga

Ekonomi Malaysia berkembang 5.6% pada suku ketiga 2014 (S2 2014: 6.5%). Secara keseluruhan, pertumbuhan telah disokong oleh permintaan dalam negeri swasta dalam keadaan perbelanjaan awam yang menguncup. Dengan eksport barangan dan perkhidmatan benar mencatat pertumbuhan positif dalam keadaan kadar pertumbuhan import barangan dan perkhidmatan benar yang lebih perlahan, eksport bersih terus menyumbang secara positif kepada pertumbuhan pada suku ketiga. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi berkembang 0.9% (S2 2014: 1.9%).

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2005)

	2013		2014		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri					
Agregat (tidak termasuk stok)	8.4	6.7	7.5	5.8	4.8
Sektor swasta	9.8	9.1	8.8	8.1	6.7
Penggunaan	*8.0*	*7.4*	*7.1*	*6.5*	*6.7*
Pelaburan	*15.6*	*16.6*	*14.1*	*12.1*	*6.8*
Sektor awam	4.1	2.1	3.3	-1.6	-1.2
Penggunaan	*7.8*	*5.2*	*12.3*	*-0.5*	*5.3*
Pelaburan	*-0.1*	*-1.4*	*-6.4*	*-3.3*	*-8.9*
Eksport Bersih	9.9	-6.8	14.9	91.0	11.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*4.6*	*5.7*	*7.9*	*8.8*	*2.8*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*4.2*	*7.1*	*7.1*	*3.9*	*2.2*
KDNK	**5.0**	**5.1**	**6.2**	**6.5**	**5.6**
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**1.7**	**1.9**	**0.9**	**1.9**	**0.9**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PMTK Mengikut Jenis Aset



* Aset lain termasuk cari gali mineral, penyelidikan & pembangunan, dsb.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri disokong oleh aktiviti sektor swasta yang mampan

Permintaan dalam negeri meningkat 4.8% pada suku ketiga (S2 2014: 5.8%), dengan aktiviti sektor swasta menjadi pemacu utama pertumbuhan. Perbelanjaan sektor awam terus menurun pada suku itu apabila penguncupan pelaburan awam lebih daripada mengimbangi peningkatan dalam penggunaan awam.

Aktiviti sektor swasta meningkat 6.7% (S2 2014: 8.1%), didorong oleh pertumbuhan **penggunaan swasta** sebanyak 6.7% (S2 2014: 6.5%). Perbelanjaan isi rumah terus disokong oleh keadaan guna tenaga yang stabil dan pertumbuhan upah yang berterusan. **Pelaburan swasta** berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 6.8% (S2 2014:12.1%), disebabkan oleh perbelanjaan jentera dan kelengkapan yang menurun, terutamanya segmen pengangkutan. Pada masa hadapan, aktiviti pelaburan akan disokong oleh aliran projek yang sedang dilaksanakan dan projek baharu secara berterusan oleh sektor swasta dan sektor awam.

Perbelanjaan sektor awam mencatat pertumbuhan negatif sebanyak 1.2% (S2 2014: -1.6%). **Penggunaan awam** kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 5.3% (S2 2014: -0.5%), mencerminkan perbelanjaan Kerajaan yang lebih tinggi untuk bekalan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, **pelaburan awam** terus merosot sebanyak 8.9% (S2 2014: -3.3%), disebabkan terutamanya oleh beberapa projek perusahaan awam yang hampir siap dan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang terus menguncup.

Dari segi jumlah pelaburan, **pembentukan modal tetap kasar** berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 1.1% (S2 2014: 7.2%). Dari segi jenis aset, perbelanjaan untuk struktur kekal kukuh (8.3%; S2 2014: 6.7%), manakala perbelanjaan untuk jentera dan kelengkapan menurun 7.5%; S2 2014: 9.1%). Dalam tempoh tiga suku pertama tahun 2014,

pelaburan untuk struktur, serta pelaburan untuk jentera dan kelengkapan masing-masing menyumbang sebanyak 51% dan 41% daripada jumlah pembentukan modal tetap kasar.

Pertumbuhan positif dalam kesemua sektor

Dari segi penawaran, pertumbuhan positif dicatat dalam kesemua sektor ekonomi pada suku ketiga. Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan yang mampan, disokong terutamanya oleh perkhidmatan berkaitan penggunaan dan berkaitan pengeluaran yang terus meningkat. Dalam sektor perkilangan, selepas mencatat prestasi yang sangat kukuh pada suku kedua, sektor ini berkembang pada kadar yang lebih sederhana berikutan aktiviti berorientasikan dalam negeri yang lebih perlahan. Sektor pertanian juga mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan berikutan pengeluaran minyak sawit dan getah yang merosot, manakala sektor perlombongan turut menjadi sederhana. Walau bagaimanapun, aktiviti dalam sektor pembinaan meningkat pada kadar yang mampan, didorong oleh subsektor bukan kediaman dan kediaman.

Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan yang mampan pada 6.1% pada suku ketiga (S2 2014: 6.2%). Subsektor perdagangan borong dan runcit meningkat 8.2% (S2 2014: 9.2%), sejajar dengan peningkatan yang berterusan dalam perbelanjaan isi rumah. Dalam subsektor komunikasi, pertumbuhan kekal mantap (9.6%; S2 2014: 9.8%), didorong oleh permintaan yang kukuh untuk perkhidmatan komunikasi data. Pertumbuhan subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan kekal tinggi (7.1%; S2 2014: 7.4%), disokong terutamanya oleh segmen perkhidmatan perniagaan. Subsektor pengangkutan dan penyimpanan berkembang 4.9% (S2 2014: 4.6%), disokong oleh aktiviti lebuh raya, lapangan terbang dan pelabuhan. Subsektor kewangan dan insurans mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 2.6% (S2 2014: 0.7%), mencerminkan pertumbuhan pendapatan faedah bersih yang lebih tinggi.

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2013 (%)	2013		2014		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	7.1	2.0	0.2	2.3	7.1	4.0
Perlombongan	8.1	1.4	-1.2	-0.8	2.1	1.4
Perkilangan	24.5	4.3	5.2	6.8	7.3	5.3
Pembinaan	3.8	10.2	9.8	18.9	9.9	9.6
Perkhidmatan	55.2	6.0	6.4	6.6	6.2	6.1
KDNK Benar	**100.0**[1]	**5.0**	**5.1**	**6.2**	**6.5**	**5.6**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.7**	**1.9**	**0.9**	**1.9**	**0.9**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2013 (%)	2013		2014		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**40.8**	**5.0**	**4.9**	**5.8**	**4.7**	**5.4**
Kewangan & insurans	16.6	0.9	0.5	2.4	0.7	2.6
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	10.3	8.1	8.3	8.6	7.4	7.1
Pengangkutan & penyimpanan	6.6	5.1	5.4	4.8	4.6	4.9
Komunikasi	7.4	10.8	10.3	10.2	9.8	9.6
Perkhidmatan Akhir	**59.2**	**6.6**	**7.5**	**7.2**	**7.2**	**6.7**
Perdagangan borong & runcit	26.1	6.1	8.4	8.6	9.2	8.2
Penginapan & restoran	4.5	5.8	5.8	6.1	5.6	5.1
Utiliti	4.5	3.9	4.4	3.2	2.7	4.4
Perkhidmatan Kerajaan	15.0	9.6	8.6	8.1	7.3	6.2
Perkhidmatan lain	9.1	5.0	5.1	4.8	4.5	4.9
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**[1]	**6.0**	**6.4**	**6.6**	**6.2**	**6.1**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2013		2014		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Indeks				
Indeks Sentimen Pengguna MIER	102.0	82.4	96.8	100.1	98.0
Indeks Perdagangan Runcit MIER	107.9	81.7	86.3	89.6	130.0
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	138.8	140.3	115.8	96.7	115.2
	Perubahan tahunan (%)				
Ketibaan pelancong	-4.9	1.2	10.0	11.1	6.1
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	23.0	24.1	18.9	5.9	-2.0
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	6.9	5.9	4.8	4.4	2.9
Jumlah pinjaman terkumpul	9.5	10.6	10.2	9.3	9.0
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	12.2	11.3	6.4	6.4	7.3
Import barangan penggunaan	9.7	9.6	15.6	7.1	-1.0
Jumlah jualan kenderaan bermotor	11.0	-0.9	1.4	11.2	-8.8
Kargo kontena yang dikendalikan (Pelabuhan Klang dan PTP)	3.0	2.7	3.7	7.2	9.2

Sumber: MIER, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, dan sumber lain

Prestasi Sektor Perkilangan

	Bahagian 2013 (%)	2013		2014		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan Tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**100.0**	**4.3**	**5.2**	**6.8**	**7.3**	**5.3**
Industri berorientasikan eksport	61.5	4.1	4.7	6.9	5.0	4.6
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	38.5	4.6	6.0	6.7	10.9	6.6
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**100.0**	**6.9**	**4.9**	**6.9**	**7.4**	**5.1**
Industri berorientasikan eksport	**74.8**	**6.6**	**3.8**	**6.6**	**5.4**	**4.3**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**24.2**	**11.8**	**16.9**	**14.6**	**13.9**	**10.0**
Antaranya:						
Elektronik	15.3	20.8	25.4	19.1	15.1	3.7
Keluaran elektrik	8.9	-4.7	1.2	5.4	11.2	24.6
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**50.7**	**4.1**	**-1.8**	**3.0**	**1.2**	**1.3**
Antaranya:						
Kimia dan keluaran kimia	14.3	1.7	-1.1	1.2	-2.1	7.2
Keluaran petroleum	21.0	9.5	-4.0	6.5	-0.5	-5.4
Keluaran getah	2.5	7.8	6.8	1.3	-1.6	-4.2
Pemprosesan di luar estet	4.5	-0.1	-1.5	0.9	12.2	4.3
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**25.2**	**7.7**	**8.0**	**7.8**	**13.0**	**7.5**
Kelompok berkaitan pembinaan	**11.3**	**5.1**	**3.5**	**3.2**	**4.6**	**5.7**
Antaranya:						
Keluaran berkaitan pembinaan	8.2	2.5	2.2	1.2	6.6	7.1
Keluaran logam yang direka	3.1	10.2	5.8	6.9	0.9	3.2
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**13.8**	**10.0**	**11.6**	**11.8**	**20.5**	**8.9**
Antaranya:						
Kelengkapan pengangkutan	5.5	9.1	23.4	19.1	29.8	11.6
Makanan, minuman & keluaran tembakau	7.3	11.2	1.1	5.7	14.9	7.2

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan sektor perkilangan menjadi sederhana kepada 5.3% pada suku ketiga (S2 2014: 7.3%) berikutan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam industri berorientasikan dalam negeri, khususnya industri berkaitan pengguna.

Walau bagaimanapun, prestasi industri berorientasikan eksport adalah mampan (4.6%; S2 2014: 5.0%), terutamanya kelompok elektronik dan elektrik (E&E) yang menyokong pertumbuhan.

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*



* Mulai 2012, kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2006 kepada nilai tambah tahun 2009

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan sektor perkilangan kekal pada 78% (S2 2014: 78%), didorong oleh penggunaan kapasiti industri berorientasikan eksport yang meningkat (80%, S2 2014: 79%). Walau bagaimanapun, ini telah diimbangi oleh penggunaan kapasiti industri berorientasikan dalam negeri yang sederhana (74%, S2 2014: 77%).

Pertumbuhan **sektor pembinaan** kekal kukuh pada suku ketiga (9.6%; S2 2014: 9.9%), didorong terutamanya oleh subsektor kediaman dan bukan kediaman. Subsektor kediaman terus mencatat pertumbuhan yang kukuh, disokong oleh pembinaan harta tanah mewah di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor, manakala pembinaan pejabat dan projek-projek runcit dan kemudahan penyimpanan yang sedang dilaksanakan menyumbang kepada pertumbuhan subsektor bukan kediaman. Sementara itu, subsektor kejuruteraan awam terus menyokong sektor pembinaan ekoran pelaksanaan projek infrastruktur baharu dan infrastruktur sedia ada.

Sektor pertanian mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 4.0% (S2 2014: 7.1%), disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam tanaman industri berikutan harga yang lebih rendah, terutamanya minyak sawit dan getah. Sementara itu, **sektor perlombongan** meningkat pada kadar yang lebih sederhana (1.4%; S2 2014: 2.1%) disebabkan oleh pengeluaran gas asli dan kondensat yang lebih rendah.

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2013		2014		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai kerja pembinaan yang siap	12.0	11.3	21.1	10.8	10.7
Kediaman	23.6	18.3	33.1	18.1	21.5
Bukan kediaman	9.9	18.1	19.9	14.5	10.9
Kejuruteraan awam	6.5	1.9	10.5	1.8	2.2
Pertukangan khas[1]	8.2	9.4	49.3	9.8	7.4
Kelulusan perumahan	-1.0	-31.2	-47.6	-10.5	-6.8
Pengeluaran[2] bahan berkaitan pembinaan	5.1	3.5	3.2	4.6	5.7
Simen hidraulik	2.7	6.2	1.3	7.3	7.8
Bahan lain daripada artikel konkrit, simen dan plaster t.t.t.l	-0.7	25.5	36.9	43.5	25.8
Produk porselin dan seramik lain	-12.0	3.1	15.2	17.5	20.7
Komponen struktur pasang siap untuk bangunan atau kejuruteraan awam daripada simen, konkrit atau batu buatan	-1.8	6.5	2.6	-6.4	2.6
Import barangan modal (tidak termasuk barangan besar)	-1.9	-3.3	-3.3	0.9	-1.0
Pinjaman untuk sektor pembinaan					
Kelulusan	-1.4	0.6	-32.8	-16.7	25.9
Pengeluaran	-4.3	22.2	23.3	4.4	4.8

[1] Kerja-kerja seperti penyediaan tapak, pemasangan elektrik dan mengecat
[2] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Bank Negara Malaysia

Prestasi Sektor Pertanian

	Bahagian 2013 (%)	2013		2014		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**100**	**2.1**	**0.2**	**2.3**	**7.1**	**4.0**
Tanaman Industri	**53.8**	**-1.9**	**-2.9**	**-1.0**	**9.3**	**1.1**
Antaranya:						
Kelapa Sawit	36.6	-0.6	-1.2	1.6	14.9	5.2
Getah	7.0	-0.1	-14.4	-12.1	-15.0	-24.1
Tanaman Makanan	**46.2**	**7.0**	**4.6**	**6.1**	**4.3**	**7.3**
Antaranya:						
Perikanan	14.4	1.6	-3.3	2.1	0.4	3.0
Ternakan	11.7	11.7	10.6	7.9	6.1	7.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	Bahagian 2013 (%)	2013		2014		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**100.0**	**1.4**	**-1.2**	**-0.8**	**2.1**	**1.4**
Pengeluaran						
Antaranya:						
Minyak mentah	-	-0.4	-8.3	-3.5	4.0	5.7
Kondensat	-	-0.9	0.1	-0.9	-5.5	-10.0
Gas asli	-	4.3	2.0	1.2	1.6	-1.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi terus menurun pada suku ketiga

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), mencatat kadar purata lebih rendah pada 3.0% pada suku ketiga (S2 2014: 3.3%). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah dalam kategori *pengangkutan* (S3: 3.7%, S2 2014: 5.4%), mencerminkan luputnya kesan pelarasan harga petrol RON95 dan diesel yang dilaksanakan pada bulan September 2013. Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* juga telah menurun kepada 3.2% (S2 2014: 3.5%). Ini sebahagiannya disebabkan oleh kos pengeluaran yang lebih rendah dalam industri ternakan ayam berikutan harga jagung dunia yang telah merosot.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan pada kadar tahunan sebanyak 0.9% pada suku ketiga (S2 2014: 3.2%). Ini mencerminkan terutamanya penurunan harga dalam kategori *bahan api, galian dan pelincir* berikutan harga minyak dunia yang menurun. Berikutan itu, harga komponen yang berkaitan dengan komoditi meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.9% (S2 2014: 7.2%). Harga untuk komponen bukan berkaitan komoditi meningkat pada kadar yang secara relatif stabil sebanyak 1.0% pada suku itu (S2 2014: 1.2%). Harga komponen tempatan dan komponen diimport masing-masing meningkat 1.0% dan 0.8% (S2 2014: masing-masing 4.2% dan 1.0%).

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan pasaran pekerja stabil

Keadaan pasaran pekerja kekal stabil pada suku ketiga[1] seperti dicerminkan oleh kadar pengangguran yang rendah sebanyak 2.7% (S2 2014: 2.8%). Jumlah guna tenaga kekal stabil pada 13.6 juta orang (S2 2014: 13.5 juta).

Jumlah pemberhentian pekerja yang dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia meningkat kepada 3,028 orang (S2 2014: 2,051 orang), kebanyakannya dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Bilangan jawatan kosong yang dipaparkan dalam Portal JobsMalaysia menjadi sederhana kepada 223,128 jawatan (S2 2014: 246,884 jawatan). Agregat upah benar dalam sektor perkilangan meningkat 2.6% (S2 2014: 4.5%), disokong oleh pertumbuhan upah yang berterusan dalam industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri.

Keadaan Pasaran Pekerja



Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Kedudukan luaran kekal berdaya tahan pada suku ketiga

Lebihan akaun semasa menurun kepada RM7.6 bilion pada suku ketiga, bersamaan dengan 2.9% daripada PNK pada suku ketiga 2014 (S2 2014: RM16.0 bilion atau 6.3% daripada PNK). Lebihan akaun semasa lebih rendah disebabkan oleh lebihan akaun barangan yang lebih kecil dan defisit akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan yang lebih tinggi.

Pada suku ketiga, lebihan perdagangan menurun kepada RM16.8 bilion (S2 2014: RM18.5 bilion). Eksport kasar meningkat pada kadar lebih perlahan sebanyak 1.5% (S2 2014: 14.4%), disebabkan oleh asas yang lebih tinggi pada

[1] Berdasarkan data awalan

suku ketiga 2013. Import kasar juga mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana sebanyak 2.6% pada suku ketiga (S2 2014: 8.5%).

Pertumbuhan eksport kasar yang sederhana adalah menyeluruh. Eksport perkilangan menjadi perlahan selepas mencatat peningkatan dua angka pada separuh pertama tahun 2014. Ini disebabkan oleh asas yang lebih tinggi pada suku ketiga tahun lalu. Eksport E&E berkembang pada kadar yang lebih sederhana, disebabkan terutamanya oleh pengembangan permintaan terhadap separa konduktor yang berterusan walaupun pada kadar yang lebih perlahan pada suku ketiga. Pertumbuhan sederhana dalam eksport bukan E&E disebabkan terutamanya oleh kemerosotan eksport produk petroleum dan pengeluaran logam. Sementara itu, harga petroleum mentah, minyak sawit dan LNG yang lebih rendah telah menyebabkan penurunan eksport komoditi. Selain itu, permintaan yang lebih rendah terhadap LNG dan getah juga menjejaskan pertumbuhan eksport komoditi pada suku tersebut. Dari segi destinasi, eksport ke AS berkembang pada kadar lebih perlahan sejajar dengan aktiviti ekonomi yang sederhana di negara itu. Eksport ke negara serantau juga perlahan pada suku tersebut.

Pertumbuhan import kasar menjadi sederhana pada suku ketiga disebabkan oleh penurunan import semua kategori, kecuali import barangan pengantara. Import modal menguncup disebabkan terutamanya oleh penurunan import kelengkapan pengangkutan. Import barangan penggunaan mencatat pertumbuhan negatif, mencerminkan asas yang tinggi pada suku ketiga tahun lalu, khususnya produk pengguna tidak tahan lama. Dalam keadaan harga komoditi yang lebih rendah pada suku ketiga, aktiviti eksport semula juga menjadi sederhana. Sementara itu, import barangan pengantara berkembang pada kadar lebih kukuh berikutan aktiviti perkilangan yang terus meningkat.

Defisit akaun **perkhidmatan** meningkat kepada RM6.4 bilion (S2 2014: -RM3.6 bilion), didorong terutamanya oleh penurunan penerimaan perjalanan bersih ekoran jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia yang lebih rendah dalam keadaan aktiviti perjalanan ke luar negeri yang meningkat untuk tujuan pendidikan dan menunaikan haji. Akaun pengangkutan kekal dalam keadaan defisit, selaras dengan aktiviti perdagangan yang berterusan dan pelancongan ke luar negeri yang lebih tinggi pada suku tersebut.

Imbangan Pembayaran[1]

	2013		2014		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Akaun Semasa	**10.0**	**14.8**	**19.8**	**16.0**	**7.6**
(% daripada PNK)	*4.1*	*5.8*	*7.9*	*6.3*	*2.9*
Barangan	27.2	33.3	33.6	30.1	28.7
Perkhidmatan	-4.8	-4.1	-2.7	-3.6	-6.4
Pendapatan primer	-8.0	-10.0	-6.4	-7.7	-9.4
Pendapatan sekunder	-4.4	-4.4	-4.6	-2.8	-5.3
Akaun Kewangan	**-11.7**	**-9.7**	**-37.6**	**-11.8**	**-2.8**
Pelaburan langsung	1.6	4.0	-14.6	-4.4	2.1
Aset	*-7.6*	*-6.5*	*-20.4*	*-16.6*	*-6.2*
Liabiliti	*9.2*	*10.4*	*5.8*	*12.2*	*8.3*
Pelaburan portfolio	-9.5	-0.8	-13.4	6.9	-11.0
Aset	*-10.1*	*-5.4*	*-7.6*	*-10.6*	*-10.3*
Liabiliti	*0.6*	*4.6*	*-5.8*	*17.6*	*-0.7*
Derivatif kewangan	0.6	0.4	-1.5	0.2	0.1
Pelaburan lain	-4.4	-13.3	-8.1	-14.5	6.1
Kesilapan dan ketinggalan[2]	13.4	-7.8	0.4	-5.2	-11.5
Imbangan Keseluruhan	**11.8**	**-2.7**	**-17.3**	**-1.0**	**-6.7**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa yang belum direalisasikan hasil daripada penilaian semula pertukaran asing

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	Bahagian 2013 (%)	2013		2014		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**100.0**	**7.5**	**10.4**	**10.7**	**14.4**	**1.5**
Perkilangan	*76.1*	*8.8*	*12.9*	*12.5*	*13.8*	*1.9*
E&E	*32.9*	*5.5*	*13.2*	*12.5*	*13.0*	*2.7*
Bukan E&E	*43.2*	*11.6*	*12.7*	*12.5*	*14.4*	*1.3*
Berasaskan sumber	*24.0*	*11.3*	*14.2*	*9.2*	*15.1*	*2.2*
Bukan berasaskan sumber	*19.3*	*11.9*	*10.9*	*16.9*	*13.7*	*0.3*
Komoditi	23.2	4.5	4.7	5.7	*16.7*	0.4
Mineral	*13.6*	*18.6*	*16.1*	*8.0*	*25.2*	*-2.5*
Pertanian	*9.6*	*-10.8*	*-8.3*	*2.2*	*5.6*	*4.4*
Import Kasar	**100.0**	**7.5**	**11.4**	**5.5**	**8.5**	**2.6**
Barangan pengantara	58.5	4.1	10.4	4.4	2.6	11.0
Barangan modal	15.1	3.2	-0.4	-6.4	8.4	-9.9
Barangan penggunaan	7.3	9.7	9.6	15.6	7.1	-1.0
Eksport semula dan barangan dua kegunaan	19.0	21.8	26.1	15.7	31.5	-10.6
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**-**	**18.5**	**28.3**	**26.3**	**18.5**	**16.8**

Nota: Keluaran petroleum ditapis telah diklasifikasikan semula sebagai barangan perkilangan dan bukan lagi barangan perlombongan mulai bulan Mei 2014

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Defisit **pendapatan primer** meningkat kepada RM9.4 bilion (S2 2014: -RM7.7 bilion), mencerminkan pendapatan pelaburan terakru

yang lebih tinggi kepada pelabur langsung asing, khususnya dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan perlombongan. Pendapatan pelaburan terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri pada keseluruhannya mampan, disokong terutamanya oleh pendapatan terakru kepada sektor perlombongan dan perkhidmatan, khususnya subsektor kewangan dan insurans. Sementara itu, defisit lebih besar dalam **akaun pendapatan sekunder** (S3 2014: -RM5.3 bilion; S2 2014: -RM2.8 bilion) disebabkan terutamanya oleh pengiriman wang ke luar negeri yang lebih banyak.

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM2.8 bilion pada suku ketiga 2014 (S2 2014: -RM11.8 bilion), disebabkan terutamanya oleh akaun pelaburan langsung dan pelaburan lain yang kembali pulih.

Pelaburan langsung kembali pulih untuk mencatat aliran masuk bersih yang kecil sebanyak RM2.1 bilion (S2 2014: -RM4.4 bilion), disebabkan terutamanya oleh aliran keluar aset yang lebih kecil.

Dari segi aset, **pelaburan langsung keluar** menjadi sederhana, dengan mencatat aliran keluar sebanyak RM6.2 bilion (S2 2014: -RM16.6 bilion). Daripada jumlah ini, **pelaburan langsung luar negeri** (direct investment abroad, DIA), mencatat aliran keluar sebanyak RM5.6 bilion (S2 2014: -RM14.6 bilion), hasil daripada pemberian modal ekuiti dan pinjaman antara syarikat yang lebih rendah, serta pendapatan tertangguh luar negeri yang lebih rendah untuk pelaburan semula. Pelaburan terutamanya dalam sektor perkhidmatan, khususnya subsektor perkhidmatan kewangan serta maklumat dan komunikasi. Syarikat Malaysia juga melabur dalam sektor perlombongan dan pertanian pada suku tersebut.

Dari segi liabiliti, **pelaburan langsung masuk** mencatat aliran masuk lebih kecil sebanyak RM8.3 bilion (S2 2014: +RM12.2 bilion). Daripada jumlah ini, **pelaburan langsung asing** (foreign direct investment, FDI) berjumlah RM7.7 bilion (S2 2014: +RM10.2 bilion), disokong oleh aliran masuk modal ekuiti yang berterusan dalam keadaan pendapatan tertangguh yang lebih rendah. FDI disalurkan terutamanya kepada sektor perlombongan, manakala sektor perkhidmatan turut menerima aliran masuk yang besar, khususnya subsektor perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan perdagangan edaran.

Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM11.0 bilion pada suku ketiga (S2 2014: +RM6.9 bilion). Ini disebabkan terutamanya oleh pelaburan portfolio pemastautin di luar negeri, terutamanya hasil daripada pemerolehan aset portfolio asing yang berterusan oleh pelabur institusi domestik. Sementara itu, pelaburan portfolio bukan pemastautin bertukar arah untuk mencatat aliran keluar bersih yang kecil. Pada suku tersebut, bukan pemastautin terus membeli hutang dan sekuriti hutang domestik. Walau

Malaysia: Destinasi Eksport

	Bahagian 2013 (%)	2013		2014		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**8.1**	**-7.7**	**-2.5**	**4.2**	**13.4**	**9.0**
Kesatuan Eropah (EU)	**9.1**	**16.2**	**14.7**	**18.5**	**15.9**	**5.5**
Jepun	**11.0**	**-3.3**	**6.0**	**8.5**	**12.5**	**-4.4**
Negara ASEAN terpilih[1]	**27.6**	**11.2**	**7.4**	**2.9**	**13.7**	**2.1**
Timur Laut Asia	**24.5**	**14.4**	**24.0**	**20.1**	**14.7**	**-6.0**
Republik Rakyat China	*13.5*	*17.6*	*30.9*	*15.3*	*3.3*	*-15.0*
Hong Kong SAR	*4.3*	*4.3*	*30.1*	*35.0*	*41.5*	*11.9*
Korea	*3.6*	*9.2*	*17.0*	*15.5*	*10.6*	*0.6*
China Taipei	*3.0*	*21.5*	*-3.0*	*28.0*	*28.7*	*1.3*
Asia Barat[2]	**3.4**	**-2.0**	**-1.2**	**-0.7**	**-9.1**	**-9.4**
India	**3.6**	**-15.8**	**-17.7**	**9.1**	**18.7**	**51.7**
Jumlah eksport	**100.0**	**7.5**	**10.4**	**10.7**	**14.4**	**1.5**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
[2] Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestin, Yemen dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

bagaimanapun, ini diimbangi oleh aliran keluar yang terutamanya disebabkan oleh kematangan sekuriti hutang luar pesisir.

Pelaburan lain bertukar arah untuk mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM6.1 bilion (S2 2014: -RM14.5 bilion), apabila aliran masuk sektor perbankan mengatasi aliran keluar sektor bukan bank. Aliran masuk ini disebabkan terutamanya oleh penempatan deposit antara bank yang berterusan oleh institusi kewangan bukan pemastautin.

Susulan perkembangan ini, **imbangan pembayaran keseluruhan** mencatat defisit sebanyak RM6.7 bilion pada suku ketiga (S2 2014: -RM1.0 bilion). Kesilapan dan Ketinggalan (E&O) berjumlah -RM11.5 bilion, sebahagiannya mencerminkan kerugian akibat penilaian semula pertukaran asing terhadap rizab antarabangsa, apabila ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama dan mata wang serantau terpilih pada suku ketiga.

Hutang luar negeri terurus

Hutang luar negeri[2] Malaysia berjumlah RM740.7 bilion, bersamaan dengan USD223.9 bilion atau 68.7% daripada KDNK pada akhir bulan September 2014 (akhir bulan Jun: RM729.5 bilion atau USD224.8 bilion, bersamaan dengan 67.7% daripada KDNK). Hutang luar negeri yang lebih tinggi ini disebabkan oleh peningkatan pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin dan juga peminjaman luar pesisir yang lebih tinggi.

Peminjaman luar pesisir meningkat kepada RM347.6 bilion pada akhir bulan September 2014 (akhir bulan Jun: RM337.4 bilion), disebabkan terutamanya oleh peningkatan peminjaman antara bank jangka pendek. Peminjaman luar pesisir jangka sederhana dan panjang adalah lebih rendah disebabkan oleh pembayaran balik bersih hutang luar negeri oleh sektor awam, khususnya berikutan matangnya beberapa bon dan sukuk perusahaan awam yang mengimbangi peminjaman bersih oleh syarikat sektor swasta.

Pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, yang diterbitkan oleh Kerajaan Persekutuan, Bank Negara Malaysia dan syarikat meningkat kepada RM247 bilion pada akhir bulan September 2014 (akhir bulan Jun: RM243.8 bilion). Peningkatan ini terutamanya dalam sekuriti hutang jangka pendek ekoran kadar hasil yang lebih tinggi dalam keadaan pemegangan sekuriti hutang jangka panjang yang berterusan. Penyertaan aktif bukan pemastautin dalam pasaran sekuriti hutang Malaysia mencerminkan pasaran kewangan domestik yang lebih mendalam, terbuka dan teguh.

Secara keseluruhan, lebih separuh daripada jumlah hutang luar negeri mempunyai profil kematangan jangka panjang. Hutang luar

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2013	2014	
	akhir Sept	akhir Jun	akhir Sept
	RM bilion		
Pinjaman luar pesisir[1]	312.4	337.4	347.6
Jangka sederhana dan panjang	*192.2*	*204.8*	*199.0*
Sektor awam	98.6	98.7	89.1
Sektor swasta	93.6	106.2	109.9
Jangka pendek	*120.2*	*132.6*	*148.6*
Pemegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik	226.5	243.8	247.0
Jangka sederhana dan panjang	*143.6*	*167.3*	*167.6*
Jangka pendek	*82.9*	*76.6*	*79.5*
Deposit bukan pemastautin	70.1	84.4	80.5
Lain-lain[2]	65.5	63.9	65.6
Jangka sederhana dan panjang	*10.8*	*9.8*	*10.2*
Jangka pendek	*54.8*	*54.0*	*55.4*
Jumlah hutang luar negeri	**674.6**	**729.5**	**740.7**
Bersamaan USD bilion	*205.1*	*224.8*	*223.9*
Hutang luar negeri (Definisi terdahulu)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	31.6	31.3	32.2
Hutang jangka pendek[3]/ Jumlah hutang (%)	38.4	39.3	42.8
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[3] (kali)	3.7	3.2	2.8[5]
Hutang luar negeri (Definisi semula)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	68.3	67.7	68.7
Hutang jangka pendek[4]/ Jumlah hutang (%)	48.6	47.6	49.1
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[4] (kali)	1.4	1.2	1.2[5]

[1] Bersamaan dengan hutang luar negeri definisi terdahulu, terdiri terutamanya daripada hutang mata wang asing diperoleh, dan bondan nota terbitan luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF, dan lain-lain.
[3] Bersamaan dengan peminjaman luar pesisir jangka pendek.
[4] Peminjaman luar pesisir jangka pendek, pemegangan sekuriti hutang domestik jangka pendek oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin dan hutang jangka pendek lain.
[5] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 31 Oktober 2014.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

[2] Ini merujuk kepada hutang luar negeri yang didefinisikan semula, yang berkuat kuasa pada suku pertama 2014. Selain peminjaman luar pesisir yang dimasukkan dalam definisi sebelum ini, hutang luar negeri yang didefinisikan semula juga meliputi pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin dengan sistem perbankan serta liabiliti hutang lain bukan pemastautin. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana bertajuk 'Definisi Semula Hutang Luar Negeri' dalam Buletin Suku Tahunan mengenai Perkembangan Ekonomi dan Kewangan dalam Perkembangan Ekonomi Malaysia pada Suku Pertama 2014.

negeri jangka pendek kekal terurus dan dapat ditampung oleh rizab sebanyak 1.2 kali.

Rizab antarabangsa kekal lebih daripada mencukupi

Rizab antarabangsa BNM berjumlah RM416.9 bilion (bersamaan dengan USD127.3 bilion) pada 30 September 2014. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 31 Oktober 2014, rizab berjumlah RM419.7 bilion (bersamaan dengan USD128.1 bilion), memadai untuk membiayai 8.8 bulan import tertangguh dan ialah 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Hasil lebih tinggi dan perbelanjaan lebih rendah menyumbang kepada defisit fiskal lebih rendah

Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan menurun kepada -0.7% pada suku ketiga, disokong oleh kutipan hasil yang lebih tinggi dan penurunan perbelanjaan mengurus. Sebagai mencerminkan aktiviti ekonomi yang mampan, hasil Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak 3.8% pada asas tahunan, didorong oleh kutipan cukai korporat dan cukai tidak langsung yang lebih tinggi. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan menurun sebanyak 0.9% pada asas tahunan disebabkan oleh pengurangan perbelanjaan untuk subsidi bahan api serta pemberian dan pindahan yang lebih rendah kepada badan berkanun. Pada akhir bulan September 2014, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan adalah

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2013		2014[a]		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Hasil	57.0	61.1	49.2	52.7	59.1
% *pertumbuhan tahunan*	*9.4*	*6.8*	*12.4*	*2.1*	*3.8*
Perbelanjaan mengurus	53.4	58.8	55.2	51.7	52.9
% *pertumbuhan tahunan*	*6.7*	*-4.6*	*10.6*	*5.2*	*-0.9*
Akaun semasa	**3.6**	**2.3**	**-6.0**	**0.9**	**6.2**
% daripada KDNK	***1.4***	***0.9***	***-2.3***	***0.4***	***2.3***
Perbelanjaan pembangunan bersih	9.0	16.0	7.0	7.0	8.1
% *pertumbuhan tahunan*	*-16.5*	*-3.4*	*-20.9*	*2.7*	*-10.3*
Imbangan keseluruhan	**-5.4**	**-13.8**	**-13.0**	**-6.1**	**-1.9**
% daripada KDNK	***-2.2***	***-5.2***	***-5.0***	***-2.3***	***-0.7***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	62.4	74.8	62.2	58.7	61.0
% *pertumbuhan tahunan*	*2.6*	*-4.4*	*5.9*	*4.9*	*-2.2*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	529.2	539.9	560.6	568.9	569.3
% *daripada KDNK*	*53.6*	*54.7*	*52.0*	*52.8*	*52.8*
Hutang dalam negeri	379.9	381.4	398.4	397.0	397.2
% *daripada KDNK*	*38.5*	*38.7*	*37.0*	*36.8*	*36.8*
Hutang luar negeri[1]	149.3	158.4	162.1	171.9	172.1
% *daripada KDNK*	*15.1*	*16.1*	*15.0*	*15.9*	*16.0*
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin[2]	*132.4*	*141.7*	*145.7*	*155.6*	*156.0*
% *daripada KDNK*	*13.4*	*14.4*	*13.5*	*14.4*	*14.5*
Peminjaman luar pesisir	*16.9*	*16.8*	*16.5*	*16.2*	*16.1*
% *daripada KDNK*	*1.7*	*1.7*	*1.5*	*1.5*	*1.5*

[a] Awalan
[1] Merujuk kepada hutang luar negeri yang diberikan definisi semula
[2] Merujuk kepada pemegangan hutang Kerajaan dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin (Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Bil-bil Perbendaharaan dan Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan) yang diklasifikasikan sebagai hutang dalam negeri di bawah definisi terdahulu

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

sebanyak RM569.3 bilion atau 52.8% daripada anggaran KDNK bagi tahun 2014. Pada bulan Oktober, Kerajaan telah membentangkan Bajet 2015 yang menggariskan sasaran defisit fiskal yang lebih rendah pada 3% daripada KDNK tahun 2015, mencerminkan iltizam yang teguh terhadap konsolidasi fiskal.